

Tarikh Dibaca: 18 November 2016

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

“KETAGIHAN GAJET; SELAMATKAN ANAK-ANAK KITA”

**Terbitan:
Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR**



SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR 2016

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 2. Tuan Haji Ahmad Zaki Bin Arsad (Timbalan Pengerusi)
Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 3. SS. Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir (Ahli)
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 4. Tuan Haji Idris Bin Ramli (Setiausaha)
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS**
- 5. Yg. Berbahagia Prof. Madya Dr. Osman Bin Sabran (Ahli)**
- 6. Tuan Haji Sianid Bin Mokim (Ahli)**
- 7. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)**
- 8. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullullah (Ahli)**
- 9. Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin (Ahli)**
- 10. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**
- 11. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)
Majlis Agama Islam Selangor**
- 12. Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin (Urusetia)
Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS**





“KETAGIHAN GAJET; SELAMATKAN ANAK-ANAK KITA”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ
أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ

إِمَامًا¹ 

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا
اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ
الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا
اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تُمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

¹ Al-Furqaan ; 74



Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Saya menyeru kepada diri saya dan sidang jemaah sekalian, marilah kita bertaqwa kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh. Hiduplah dengan berpandukan syariat di samping melaksanakan segala perintah Allah SWT dan menghindari segala larangan-Nya. Sesungguhnya hanya dengan taqwa sahaja akan memberikan kebahagiaan hidup kita di dunia dan kesejahteraan di akhirat.

Tajuk khutbah yang akan membuka minda kita pada hari ini ialah **"KETAGIHAN GAJET; SELAMATKAN ANAK-ANAK KITA"**.

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Di zaman yang semakin maju dan serba canggih ini, ibu bapa berhadapan dengan cabaran besar untuk menjayakan peranan mendidik dan membangunkan mental serta fizikal anak-anak mereka. Antara halangan utama bagi ibu bapa masa kini untuk mendidik anak ialah kehadiran gajet. Disebabkan tidak mahu dianggap ketinggalan zaman, ramai ibu bapa membelikan gajet seperti tablet, telefon pintar, iPad dan sebagainya kepada anak mereka. Malah ada yang menjadikannya sebagai hadiah meraikan hari lahir anak mereka. Tidak kurang juga yang menjadikan gajet sebagai teman bermain si kecil agar ibu bapa dapat melakukan kerja-kerja mereka dengan tenang tanpa gangguan. Namun, sedarkah kita bahawa tindakan ini memberi banyak keburukan kepada perkembangan si anak jika ia digunakan tanpa kawalan. Lebih membimbangkan lagi apabila gajet yang diberikan itu digunakan tanpa kawalan dan panduan. Hakikat ini membuktikan betapa ramai ibu bapa yang lalai dalam menyempurnakan amanah mendidik anak-anak mereka.



Hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Ibnu Umar RAnhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda;

كُلُّكُمْ رَاعٍ، وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، فَالْأَمِيرُ
الَّذِي عَلَى النَّاسِ رَاعٍ، وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ،
وَالرَّجُلُ رَاعٍ عَلَى أَهْلِ بَيْتِهِ، وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْهُمْ،
وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ عَلَى بَيْتِ بَعْلِهَا وَوَلَدِهِ، وَهِيَ مَسْئُولَةٌ
عَنْهُمْ، وَالْعَبْدُ رَاعٍ عَلَى مَالِ سَيِّدِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ
عَنْهُ، أَلَا فِكُلُّكُمْ رَاعٍ، وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ

"Setiap orang adalah pemimpin dan akan diminta pertanggungjawaban atas kepimpinannya. Seorang ketua negara akan diminta pertanggungjawaban tentang rakyat yang dipimpinnya. Seorang suami akan ditanya perihal keluarga yang dipimpinnya. Seorang isteri yang memelihara rumah tangga suaminya akan ditanya perihal tanggungjawab dan tugasnya. Bahkan seorang pembantu/pekerja rumah tangga yang bertugas memelihara barang milik majikannya juga akan ditanya dari hal yang dipimpinnya. Dan kamu sekalian pemimpin dan akan ditanya (diminta pertanggungjawaban) dari hal-hal yang dipimpinnya".

Muslimin yang berbahagia,

Penggunaan gajet memang ada manfaatnya. Namun jika digunakan tanpa panduan dan kawalan, ia terbukti memberi kesan negatif kepada anak-anak kita. Menurut hasil kajian yang dikeluarkan oleh Akademi Pediatrik Amerika, kanak-kanak di bawah usia 2 tahun tidak wajar didedahkan dengan



teknologi ini, mereka yang berusia 3 hingga 5 tahun dibenarkan hanya sejam dan yang berusia 6 hingga 17 tahun dihadkan hanya 2 jam sehari. Penggunaan gajet melebihi kadar masa yang disarankan dan tanpa kawalan boleh mengundang pelbagai keburukan yang serius malah boleh mengancam nyawa. Di antara kesan buruk tersebut ialah :

Pertama: Menjejaskan Kesihatan Dan Tumbesaran Jasmani.

Kanak-kanak yang terlalu asyik dengan permainan gajet menjadi tidak ambil peduli mengenai perkara yang berlaku di sekeliling mereka dan kurang aktif untuk melakukan aktiviti luar. Ini secara tidak langsung menyebabkan tumbesaran mereka terbantut kerana tidak memperoleh keperluan makan minum secara teratur. Begitu juga remaja yang seharian bermain dengan gajet menjadi tidak aktif, badan mereka lesu hingga menjejaskan kesihatan. Ia juga boleh menjejaskan kualiti tidur kerana otak mereka terlalu aktif dan sukar untuk bertenang akibat mata terlalu lama tertumpu kepada skrin gajet. Semua ini mengundang masalah pada tubuh badan mereka yang sedang membesar. Bukankah ini sangat bertentangan dengan falsafah pendidikan anak dalam Islam yang sangat menganjurkan agar umatnya tampil gagah dan kuat. Mana mungkin generasi yang membesar dengan budaya ketagih gajet akan mencapai matlamat ini.

Hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Abu Hurairah RAhu bahawa Rasulullah SAW bersabda;

المُؤْمِنُ الْقَوِيُّ، خَيْرٌ وَأَحَبُّ إِلَى اللَّهِ مِنَ الْمُؤْمِنِ الضَّعِيفِ.

"Mukmin yang kuat itu lebih baik dan lebih dikasihi Allah berbanding mukmin yang lemah."



Kedua: Membantutkan Perkembangan Mental dan Kemahiran Fizikal.

Bermain gajet juga membantutkan perkembangan otak si kecil yang sepatutnya dibangunkan secara berperingkat mengikut usia mereka. Bukan itu saja, ia juga boleh menyekat perkembangan kemahiran mereka. Apabila si kecil hanya menggunakan satu atau dua jari menyentuh skrin tablet untuk bermain, ia sebenarnya membantutkan perkembangan kemahiran seluruh jari mereka. Akibatnya ada di kalangan kanak-kanak yang tidak mahir memegang pensel apabila masuk ke pra-sekolah ataupun tadika. Di samping itu juga ia akan melambatkan kemampuan mereka bercakap. Jika dilihat realiti pada masa kini, terdapat kanak-kanak berusia dua tahun setengah pun masih belum dapat menuturkan walau sepatah perkataan akibat terlalu aktif melayan permainan gajet. Malah remaja yang aktif bermain gajet ini juga bermasalah dari sudut sikap, hilang minat dan tumpuan kepada pelajaran.

Ketiga: Memberi Kesan Negatif Kepada Emosi dan Jiwa.

Permainan gajet dikesan sangat mempengaruhi sikap negatif pada kanak-kanak dan remaja. Ia juga boleh merangsang sikap kasar, agresif dan kurang sabar jika inginkan sesuatu. Puncanya kerana peralatan tersebut mampu memberikan keseronokan secara mudah tanpa perlu bersusah payah yang akhirnya mengundang ketagihan yang sukar dihentikan. Bila sudah ketagih, emosi mereka tidak stabil lalu akan mudah mengamuk dan memberontak jika kemahuan mereka dihalang. Selain itu, ia juga membentuk sikap tidak peduli dengan persekitaran sehingga ramai dari kalangan mereka tidak mahu ambil bahagian dalam aktiviti keluarga mahupun rakan sebaya.

Hadirin tetamu Allah yang diberkati sekalian,



Di sinilah tanggungjawab kita sebagai penjaga mereka. Pastikan mereka mampu membesar dengan persekitaran yang sihat dengan cara hidup Islam. Bukankah Allah SWT pernah mengingatkan kita tentang ujian dan cabaran dalam mendidik anak-anak di samping ganjaran yang besar yang disediakan, sebagaimana firman-Nya di dalam surah Al-Taghabun ayat 15:

إِنَّمَا أَمْوَالُكُمْ وَأَوْلَادُكُمْ فِتْنَةٌ وَاللَّهُ عِنْدَهُ أَجْرٌ

عَظِيمٌ

"Sesungguhnya harta benda kamu dan anak-anak kamu itu hanyalah menjadi ujian, dan di sisi Allah jualah pahala yang besar."

Kasihi dan selamatkanlah anak-anak kita. Perbetulkanlah cara kita mengasihi anak-anak dengan mengawal setiap apa yang diinginkan untuk diberikan kepada mereka. Memberi apa sahaja permintaan anak tanpa kawalan bukanlah bukti sayang, malah ia pasti membinasakan mereka. Apa perlunya kita berikan gajet permainan ini kepada mereka dalam usia yang masih mentah? Berikanlah mereka hak untuk membesar dengan sempurna tanpa sebarang gangguan dan pengaruh negatif. Jika kita masih mahu memberi ruang untuk anak bermain dengan gajet sesuai dengan keperluan semasa, kita perlulah memastikan beberapa panduan berikut dipatuhi, antaranya:

Pertama: Pastikan tahap minda dan jiwa anak telah bersedia.

Sekurang-kurangnya telah mencapai usia dua tahun dan mampu bertutur untuk memperkenalkan kepada mereka peralatan gajet dan sebagainya. Ia perlu diawasi oleh ibu bapa kerana dapat mengeratkan lagi



hubungan antara mereka di samping mengawal permainan yang sesuai. Selain itu, ibu bapa juga boleh melihat potensi serta perkembangan si anak. Ingatlah bahawa perkembangan pendengaran, penglihatan dan jiwa anak-anak perlu diawasi dan menjadi tanggungjawab kepada ibu bapa.

Firman Allah dalam Surah Al-Israk ayat 36:

إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَئِكَ كَانَ عَنْهُ
مَسْئُولًا

"Sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota-anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya."

Kedua: Gunakan gajet untuk tujuan pembelajaran kepada anak-anak.

Kenalkan mereka dengan perisian-perisian yang bersifat pendidikan dan pelajaran yang baik untuk perkembangan minda dan jiwa mereka. Jika mahu memuat turun aplikasi permainan, pilih yang boleh membantu menggalakkan anak belajar. Seseekali berikan permainan yang bermanfaat untuk menggalakkan anak berfikir secara kreatif serta mencipta kejayaan. Elakkan dari permainan yang berunsur ganas dan melanggar norma-norma budaya Islam yang murni.

Ketiga: Kawal dan hadkan masa penggunaan.

Di samping itu mereka juga perlu memberi panduan penggunaan gajet kepada anak-anak. Tetapkan beberapa peraturan yang perlu dipatuhi dan sentiasa menerapkan teladan yang baik seperti berhenti menggunakan gajet ketika makan dan berbual dengan orang lain. Periksa gajet anak-anak secara



berkala untuk memastikan mereka tidak terjebak kepada gejala negatif yang merosakkan mereka. Silih gantikan permainan gajet dengan mengulangkaji pelajaran dan membaca al-Quran. Jadualkan masa mereka untuk bermain dan belajar. Pastikan juga mereka dapat mendirikan solat bila sampai waktunya. Ajar mereka untuk mematuhi syariat sejak kecil. Ibu bapa perlu bersabar mendidik anak mematuhi syariat khususnya dalam mendidik mereka mendirikan solat. Perkara ini telah ditegaskan oleh Allah SWT dalam Surah Taha ayat 132:

وَأْمُرْ أَهْلَكَ بِالصَّلَاةِ وَاصْطَبِرْ عَلَيْهَا لَا نَسْأَلُكَ
رِزْقًا نَحْنُ نَرْزُقُكَ وَالْعَاقِبَةُ لِلتَّقْوَى

"Dan perintahkanlah ahli keluargamu mengerjakan solat, dan hendaklah engkau tekun bersabar menunaikannya. Kami tidak meminta rezeki kepadamu, (bahkan) Kamilah yang memberi rezeki kepadamu. Dan (ingatlah) kesudahan yang baik adalah bagi orang-orang yang bertaqwa."

Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Marilah bersama-sama kita didik dan bimbing generasi pewaris agama dan bangsa kita bermula sejak usia awal mereka. Di peringkat usia kanak-kanak inilah sewajarnya kita lakukan pembentukan peribadi mereka kerana mendidik mereka setelah meningkat remaja dan dewasa, sudah pasti mengundang kepayahan dan pelbagai masalah. Benarlah kata pepatah;

"Melentur buluh biarlah dari rebungunya."



Seperkara lagi yang perlu dipastikan ialah mendidik anak perlulah disempurnakan dengan penuh kasih sayang, bukan secara paksa apatah lagi dengan kekasaran. Ajak dan bimbing mereka melakukan kebaikan dengan pelukan mesra dan ciuman galakan. Anak-anak akan terasa dikasihi dan dihargai lalu mudah menurut kata dengan perasaan ceria dan sukarela. Inilah sunnah Rasulullah SAW dalam mendidik anak-anak. Lihatlah apa yang pernah diceritakan dalam sebuah hadith riwayat Imam Al-Bukhari daripada A'isyah RAha yang bermaksud;

"Telah datang seorang lelaki kepada Nabi SAW, seraya bertanya: "Kamu mencium kanak-kanak? Kami tidak pernah mencium mereka." Lalu baginda SAW bersabda: "Apa lagi yang mampu aku lakukan sekiranya Allah telah mencabut rasa kasih sayang dari hatimu".

Para Hadirin yang dimuliakan,

Kesimpulan yang dapat dipetik daripada bicara khatib pada hari ini, antaranya ialah :

1. Penggunaan gajet di kalangan anak-anak perlulah diawasi, dikawal dan dipandu dengan baik oleh ibu bapa dan penjaga mereka.
2. Buktikan kasih sayang kita kepada anak-anak dengan didikan yang tepat. Membiarkan mereka bermain dengan gajet tanpa kawalan ternyata banyak mengundang kemudharatan berbanding manfaatnya.
3. Anak-anak adalah amanah dan ujian Allah untuk kita semua. Didiklah mereka dengan aqidah, syariat dan akhlak Islamiyyah. Berikanlah kasih sayang bagi menjamin kebahagiaan dunia dan akhirat.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
لَنْ تَنْفَعَكُمْ أَرْحَامُكُمْ وَلَا أَوْلَادُكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ
يَفْصِلُ بَيْنَكُمْ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٣﴾

"Kaum kerabat kamu dan anak-anak kamu (yang tidak beriman) tidak sekali-kali akan mendatangkan sebarang faedah kepada kamu pada hari kiamat; Allah akan memisahkan di antara kamu semua (pada hari itu). Dan (ingatlah), Allah Maha Melihat segala yang kamu kerjakan."

(al-Mumtahanah ; 3).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي
وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ
مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ
لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam. Pada masa yang sama kita juga disaran supaya menjauhi sebarang bentuk fahaman sesat dan perbuatan ekstrim yang kesannya akan menjejaskan keharmonian, perpaduan dan keselamatan ummah dan Negara.



إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم



سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ. اَللّٰهُمَّ
اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ
مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاطُوْرٍ، تَغْكُوْ اَمِيْرِ شَاهِ ابْنِ
السُّلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ فِيْ اَمْنٍ
وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْنِكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ.
اَللّٰهُمَّ اَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمَوْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ
وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرِّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat seperti kemarau panjang, banjir besar, wabak penyakit Zika dan Denggi supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa dilindungi dan diberkati.



Ya Allah, kami pohon kehadiranmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain serta mewakafkan dan menginfakkan harta khususnya untuk Perbadanan Wakaf Negeri Selangor (PWS) dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS). Dengan amalan ini ya Allah, berkatilah hidup dan luaskanlah rezeki kami dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا . رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ . عِبَادَ
اللَّهِ ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ
يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ
أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

JAIS/Nuru
05.11.2016